

- 1 Apakah tujuan penubuhan Institut Akauntan Malaysia Malaysian (MIA)?
- A Meneliti skop dan penggunaan piawaian perakaunan
 - B Mengawal dan memperkenalkan profesion perakaunan
 - C Melaksanakan fungsi yang diarahkan Menteri Kewangan
 - D Mengeluarkan pernyataan prinsip bagi pelaporan kewangan
- 2 Pernyataan berikut diperolehi daripada Permata Mart.

Pada 1 Januari 2023, perniagaan membeli sebuah lori yang bernilai RM65 000. Pada 31 Disember 2024, perniagaan merekodkan RM65 000 ke dalam buku perakaunannya walaupun harga pasaran RM45 000. Kadar susut nilai ditetapkan sebanyak 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Manakah antara yang berikut konsep perakaunan yang dipatuhi?

- I Tempoh perakaunan
 - II Entiti berasingan
 - III Prinsip kos
 - IV Ketekalan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 3 Berikut adalah urus niaga Perkongsian Tangan Emas.

Membeli mesin terpakai secara kredit daripada Syarikat Motor Berhad pada harga RM55 500.

Apakah kesan urus niaga ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang
D	Tiada kesan	Bertambah	Berkurang

- 4 Apakah catatan kontra kepada Akaun Aset?

- A Ambilan
- B Pulangan jualan
- C Pulangan belian
- D Susut nilai terkumpul

- 5 Dokumen bukan sumber penting sebagai dokumen sokongan dalam urusan perniagaan.

Apakah contoh dokumen tersebut?

- A Invois
- B Resit rasmi
- C Nota belian
- D Slip transaksi perbankan elektronik

- 6 Kedai Yehir telah menerima satu dokumen berkaitan dengan faedah atas simpanan daripada pihak Bank Harmoni Berhad.

Apakah dokumen tersebut?

- A Nota Debit
- B Nota Kredit
- C Makluman Kredit
- D Makluman Debit

- 7 Manakah urus niaga yang **tidak** direkodkan dalam Jurnal Am?

- A Catatan penutupan
- B Memasukkan tunai sebagai modal tambahan
- C Belian aset bukan semasa secara kredit
- D Ambilan barang niaga

- 8 Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Perniagaan Cergas.


Buku Tunai Runcit						
Tarikh	Butir	Fol	Debit	Kredit	Analisis Pembayaran	
					Alat tulis	Minuman
2025						
Jun 1	Baki b/b Tunai		RM 80	RM	RM	RM
6	Pen dan pensil		120	25	25	
15	Gula dan Teh			30		30
			200	55	25	30
31	Baki h/b			145		
			200	200		

Berapakah nilai rekupmen daripada Ketua Juruwang mengikut Sistem Panjar pada 1 Julai 2025?

- A RM55
- B RM80
- C RM145
- D RM200

- 9 Apakah urus niaga yang direkodkan di sebelah debit Buku Tunai?
- A Belian barang niaga
 B Menjelaskan hutang
 C Ambilan oleh pemilik
 D Bayaran daripada pelanggan

- 10 Rajah berikut berkaitan dengan pembahagian akaun.



Apakah X dan Y ?

	X	Y
A	Akaun Gaji	Akaun Belian
B	Akaun Modal	Akaun Hutang lapuk
C	Akaun Alat tulis	Akaun Hasil perkhidmatan
D	Akaun Insurans prabayar	Akaun Komisen belum terima

- 11 Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diambil daripada buku perniagaan Marsya Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Bayar

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2025 Jan 31	Diskaun diterima Pulangan belian Bank	RM 740 1 200 10 000	2025 Jan 1	Baki b/b	RM 14 200

Berapakah baki pada 1 Februari 2025 jika jumlah Jurnal Belian ialah RM4 200?

- A Debit RM1 940
 B Kredit RM1 940
 C Debit RM6 460
 D Kredit RM6 460

12 Antara berikut, pernyataan manakah yang **benar** tentang Imbangan Duga?

- I Menguji ketepatan catatan bergu
- II Membetulkan kesilapan melalui jurnal khas
- III Mempamerkan jumlah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik
- IV Mengandungi senarai baki yang diambil daripada lejar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Maklumat berikut merupakan analisis kad inventori Madiha Skaf Enterprise.

Jenis Barang	Baki Awal	Masuk	Keluar	Harga Kos Seunit (RM)	Harga Pasaran Seunit (RM)
Tudung Leya	10	100	70	30	60

Berapakah nilai inventori akhir direkod dalam penyata kewangan?

- A RM1 200
- B RM2 100
- C RM2 400
- D RM4 200

14 Manakah antara pernyataan yang berikut **benar** tentang Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?

- I Menunjukkan komponen jualan dan belian bersih.
- II Item gaji belum bayar dicatat dalam komponen belanja.
- III Keuntungan daripada pelaburan saham dicatat sebagai hasil.
- IV Mengetahui sama ada perniagaan mendapat untung atau rugi bersih.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 En. Ismail telah membayar sewa tahunan bagi kedainya berjumlah RM11 400 pada 1 Mac 2025.

Berapakah sewa yang perlu direkod dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2025?

- A RM2 850
- B RM3 800
- C RM8 550
- D RM11 400

- 16 Berikut adalah maklumat berkaitan inventori alat tulis bagi perniagaan Alice & Chan.

Butiran	1 Januari 2024 (RM)	31 Disember 2024 (RM)
Inventori Alat Tulis	900	350

Alat tulis yang direkod dalam Akaun Untung Rugi adalah RM850.

Berapakah jumlah pembelian alat tulis menggunakan cek pada 31 Disember 2024?

- A RM300
B RM400
C RM850
D RM1 200
- 17 Chin telah menghapuskira hutang pelanggan berjumlah RM204 pada tahun 2024. Pada tahun 2025, pelanggan tersebut membayar hutang itu secara tunai kerana terlupa.
- Pilih pernyataan yang **tepat** bagi situasi Chin.
- A Hutang lapuk terpulih tidak perlu dicatat dalam rekod perakaunan perniagaan pada tahun 2025.
B Hutang lapuk terpulih dicatat sebagai debit dan Akaun Belum Terima sebagai kredit pada tahun 2024.
C Penerimaan tunai berjumlah RM204 dicatat sebagai hasil dalam Akaun Untung Rugi pada tahun 2025.
D Chin perlu membuat laporan polis bagi membuka kertas siasatan dan membawa pelanggan ke mahkamah.
- 18 Berikut adalah maklumat yang dipetik dari sebuah perniagaan.

Pada 1 Januari 2020, seorang peniaga membeli sebuah mesin fotostat berharga RM14 000. Selepas 5 tahun, nilai semasanya ialah RM6 800.

Apakah yang menyebabkan nilainya berkurang?

- I Perubahan dalam teknologi
II Kos pembaikan semakin meningkat
III Rekod pembelian hilang dan musnah
IV Berlaku kerosakan fizikal dan keusangan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 22 Maklumat berikut berkaitan analisis penyata kewangan yang diperolehi daripada Kedai Perabot Amran dan Kedai Perabot Amar.

	Kedai Perabot Amran	Kedai Perabot Amar	Tafsiran
K	3.85 : 1	2.98 : 1	Keupayaan Kedai Perabot Amran membayar hutang jangka pendek dengan segera berbanding Kedai Perabot Amar.

Apakah K?

- A Nisbah Semasa
 - B Nisbah Ujian Asid
 - C Tempoh Kutipan Hutang
 - D Tempoh Pembayaran Hutang
- 23 Apakah faktor yang dipertimbangkan dalam menentukan pelaburan terbaik yang hendak dipilih antara dua buah perniagaan?
- A Nisbah semasa
 - B Margin untung kasar
 - C Pulangan atas modal
 - D Kadar pusing ganti inventori
- 24 Buku Perniagaan Ali menunjukkan baki aset bernilai RM81 525 dan baki liabiliti sebanyak RM34 290 pada akhir tempoh perakaunan.

Berapakah modal awal Perniagaan Ali jika mendapat keuntungan sebanyak RM13 110 pada akhir tempoh perakaunan?

- A RM34 125
- B RM47 235
- C RM60 345
- D RM68 415

- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Omar pada 31 Julai 2025.

	RM
Modal Awal	42 000
Modal Akhir	60 000
Modal Tambahan	6 000
Untung Bersih	15 000

Berapakah ambilan perniagaan tersebut?

- A RM3 000
 B RM9 000
 C RM18 000
 D RM21 000
- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Amir yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

Baki Akaun Belum Terima:

1 Januari 2024	RM 3 200
31 Disember 2024	RM 5 500

Maklumat Tambahan:

- i. Pulangan Masuk RM 500
 ii. Penerimaan tunai daripada akaun belum terima RM 4 200

Berapakah jualan kredit?

- A RM1 400
 B RM2 300
 C RM6 000
 D RM7 000
- 27 Antara berikut berkaitan dengan kaedah kawalan tunai.

Kaedah Kawalan Tunai	Keterangan
S	Penyelarasan baki akaun di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank.
T	Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai perniagaan.

Apakah **S** dan **T**?

	S	T
A	Buku Tunai	Penyata Akaun
B	Penyata Akaun	Buku Tunai
C	Penyata Penyesuaian Bank	Belanjawan Tunai
D	Belanjawan Tunai	Penyata Penyesuaian Bank

- 28 Berikut adalah maklumat Penyata Bank dan Buku Tunai Perniagaan Suria Trading.

Penyata Bank bagi bulan Mei 2025 (petikan)

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2025 Mei	Cek	00145	RM 2 350	RM	RM 16 400

Dt Buku Tunai Kt

Tarikh	Butir		Tarikh	Butir	No.Cek	Tunai	Bank
			2025 Mei	Sewa	00145	RM	RM 3 250

Maklumat tambahan:

Cek bernombor 00145 telah tersalah rekod ke dalam Buku Tunai.

Apakah catatan pembetulan yang perlu direkodkan ke dalam Buku Tunai yang dikemas kini?

- A Debit RM900
- B Kredit RM900
- C Debit RM5 600
- D Kredit RM5 600

- 29 Antara berikut, manakah item yang akan didebitkan ke Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- I Ambilan pekongsi
 - II Gaji pekongsi
 - III Faedah modal pekongsi
 - IV Faedah pinjaman pekongsi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Maju pada 31 Mei 2025.

	RM
<u>Akaun Modal</u>	
Chong	50 000
Hasan	30 000
<u>Akaun Semasa</u>	
Chong	2 850
Hasan	550 (dt)

Catatan manakah tepat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bahagian Ekuiti pemilik pada 31 Mei 2025?

A	</
---	--

- 31 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian A & W.

	RM
Untung bersih	64 500
Modal Amy	40 000
Modal Winy	60 000

Berdasarkan ikatan perkongsian, untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal.

Berapakah untung yang diperoleh Amy?

- A RM25 800
B RM32 250
C RM38 700
D RM43 000
- 32 Perkongsian Loyang Manis telah bersetuju untuk membubarkan perkongsian pada 31 Julai 2025. Baki-baki berikut telah diperoleh daripada buku-buku perkongsian:

	RM
Inventori	30 000
Bank	6 500
Akaun Belum Terima	8 000
Akaun Belum Bayar	7 000

Maklumat tambahan:

- Inventori telah direalisasikan pada nilai RM20 000
- Sebanyak RM5 600 berjaya dikutip daripada Akaun Belum Terima
- Belanja realisasi adalah RM1 400

Berapakah rugi atas realisasi?

- A RM10 500
B RM11 000
C RM13 300
D RM13 800
- 33 Maklumat berikut berkaitan modal Top Notch Berhad.

Modal diterbitkan dan dibayar penuh
1 500 000 syer biasa RM1.00 setiap satu
1 000 000 Syer Keamanan RM2.00 setiap satu
Semua syer yang diterbitkan dilanggan dan dibayar penuh

Berapakah nilai modal yang diterbitkan dan dibayar penuh?

- A RM1 500 000
B RM2 000 000
C RM2 500 000
D RM3 500 000

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Smart Era Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Januari 2025.

Modal diterbitkan dan dibayar penuh:

- 600 000 unit syer biasa bernilai RM2.50 sesyer.
- 200 000 unit 4% syer keutamaan bernilai RM1.20 sesyer.

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen bagi syer biasa sebanyak RM0.30 sen sesyer.

Berapakah jumlah dividen yang akan dibayar kepada pemegang syer biasa?

- A RM120 000
- B RM150 000
- C RM180 000
- D RM250 000

- 35 Rekod kewangan manakah yang hanya disediakan oleh sebuah kelab dan persatuan?

- A Akaun Untung Rugi
- B Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
- C Akaun Pengasingan Untung Rugi
- D Akaun Perdagangan

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Golf Taman Bahagia

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	RM	
Yuran	2000	

Maklumat tambahan:

	1 Januari 2024	31 Disember 2024
	RM	RM
Yuran belum terima	150	250
Yuran belum terperoleh	-	180

Berapakah jumlah yuran yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024?

- A RM1 780
- B RM1 920
- C RM2 080
- D RM2 280

- 37 Kelab Sukan Hidayah menerima yuran ahli sebanyak RM9 000 sepanjang bulan Mei 2025. Pada 31 Mei 2025 terdapat yuran belum terima RM1 500 dan yuran belum terperoleh RM500.

Berapakah jumlah yuran yang patut direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi bulan tersebut.

- A RM7 000
- B RM8 000
- C RM10 000
- D RM11 000

- 38 Pernyataan tentang Akaun Pengeluaran manakah yang benar?

- A Kos buruh langsung direkodkan selepas kos bahan langsung
- B Kos overhead kilang direkodkan sebelum kos buruh langsung
- C Untung kasar direkodkan dalam Akaun Pengeluaran
- D Kos bahan langsung direkodkan selepas kos prima

- 39 Manakah merupakan tujuan utama analisis titik pulang modal?

- A Menentukan jumlah keuntungan bersih
- B Mengira jumlah kos pengeluaran sebenar
- C Menilai keupayaan sesebuah syarikat membayar hutang
- D Merancang tahap pengeluaran agar tidak mengalami kerugian

- 40 Sebuah kilang menghasilkan 3 750 unit produk. Kos tetap ialah RM10 000, kos berubah seunit ialah RM5.00 dan harga jualan seunit ialah RM9.00.

Berapakah keuntungan pada tahap pengeluaran tersebut.

- A RM2 500
- B RM5 000
- C RM7 500
- D RM10 000

KERTAS SOALAN TAMAT